Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	17/1/2020	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	SPAN / JPS			
KLASIFIKASI	:	**PERHATIAN**			

Duka padi jadi lalang

Seramai 35 petani kerugian RM1 juta dek kemarau

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Kira-kira 35 petani mendakwa kerugian hampir RM1 juta apabila lebih 72 hektar sawah padi yang diusahakan mereka di kawasan Pokok Sena di sini, tidak membuahkan hasil akibat kemarau.

Ketua Unit Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pokok Sena Azami Syawal, 55, berkata, keadaan itu disebabkan sawah mereka kering kontang sejak bulan lalu dan pokok padi menjadi seperti lalang.

Katanya, setiap musim sebelum ini pesawah di kawasan itu mampu menghasilkan 700 tan padi, sekali gus menjadi antara penyumbang terbesar padi di kawasan Pokok Sena.

"Kami bergantung sepenuhnya kepada air hujan untuk menanam padi tapi musim kemarau kali ini berlaku lebih awal daripada kebiasaan setiap tahun iaitu pada Februari.

"Air parit menjadi kering menyebabkan saya kerugian puluhan ribu ringgit apabila 30 relung atau 15 hektar sawah padi rosak," katanya yang sudah 30 tahun menjadi petani.

Rakannya, Syukor Arip, 46, berkata, fenomena kemarau tahun ini amat luar biasa dan berharap kerajaan dapat membantu pesawah yang menanggung kerugian.

Katanya, dia tidak mempunyai modal untuk memulakan musim kedua pada April depan selepas tiada hasil dapat dituai pada sawahnya.

"Dengan duit padi inilah kami menyara keluarga, saya pening fikirkan nasib anak yang masih bersekolah, nampaknya saya terpaksa berhutang untuk musim padi selepas



PARAS air Empangan Teluk Bahang berada jauh lebih rendah daripada kapasiti biasa disebabkan musim kemarau yang melanda Pulau Pinang, semalam.

SPAN pantau paras penyusutan empangan

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span) akan memantau rapi keadaan penyusutan paras air empangan dan sungai terutama di Kedah dan Pulau Pinang bagi memastikan bekalan air tidak terjejas.

Malah, sekiranya perlu, badan kawal sedia perkhidmatan terawat di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan melalui Jabatan Meteorologi Malaysia akan menjalankan kajian dan melakukan aktiviti pembenihan awan di kawasan terbabit.

Pengarah Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna Span, Mohd Fazli Ismail, berkata, cuaca panas dan hujan berkurangan mengakibatkan kemerosotan paras air di empangan dan sungai di utara Semenanjung Malaysia.

"Berikutan cuaca panas dan kering serta kekurangan taburan hujan, dua empangan utama di Pulau Pinang iaitu Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang mengalami penyusutan air sehingga ke paras simpanan"

Mohd Fazli

"Setakat ini Langkawi, Alor Setar dan Kuala Muda berhadapan dengan masalah kekurangan sumber air, selain Pulau Pinang menghadapi masalah sama.

"Berikutan cuaca panas dan kering serta kekurangan taburan hujan, dua empangan utama di Pulau Pinang iaitu Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang mengalami penyusutan air sehingga ke paras simpanan, masing-masing 61.5 peratus dan 39.2 peratus.

"Bagaimanapun, kedua-dua paras air di empangan terbabit masih berada di atas paras kritikal. Sekiranya perlu, sumber air mentah dari Empangan Mengkuang akan disalurkan untuk mengurangkan impak dan risiko gangguan bekalan air di Pulau Pinang," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, operator airnya, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) melakukan pemantauan rapi dan mengambil langkah berjaga-jaga supaya keadaan itu terkawal.

Sementara itu, keadaan air di Langkawi, daerah Kuala Muda termasuk Alor Setar, Kedah turut dipengaruhi cuaca panas dan kering.

"Pihak operatornya, Syarikat Air Darul Aman (Sada) memaklumkan kawasan agihan loji rawatan air (LRA) Tupah berkapasiti 12 juta liter sehari (JLH) dan LRA Merbok (2.3 JLH) di Kuala Muda yang menerima sumber air mentah dari kawasan tadahan lembangan Gunung Jerai didapati terjejas.

"Akibat kekurangan hujan, pengoperasian kedua-dua loji itu mengalami pengurangan pengeluaran bekalan air untuk disalurkan kepada pengguna seperti biasa," katanya.



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	17/1/2020	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	SPAN / JPS			
KLASIFIKASI	:	**PERHATIAN**			

ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas sesi dialog antara pesawah bersama Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar di Pejabat Penghulu Mukim Derang, di sini, semalam.

Sementara itu, Mahfuz berkata, kerajaan akan mempertimbangkan pemberian ganti rugi kepada pesawah yang terjejas akibat kemarau.

Katanya, perkara itu dinyatakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub ketika dihubunginya, pagi semnalam.

"Kita minta supaya Jabatan Pertanian Negeri membuat bancian berapa keluasan sawah dan petani yang terjejas supaya kita dapat mengetahui jumlah (ganti rugi) yang sebenar.

"Selain itu, kita akan minta Jabatan Pertanian Negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membuat saluran terus dari Sungai Bukit Pinang ke dalam sawah petani di sini.

"Sungai itu digunakan untuk menyalurkan air ke sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) tetapi tidak dapat dimanfaatkan kepada petani di sini," katanya.



MAHFUZ (enam dari kanan) meninjau kawasan sawah padi yang musnah akibat kemarau di Kampung Derang, semalam.